

OIC harap sidang damai Palestin-Israel berhasil

PM mahu kedua-dua pihak jujur, saling menghormati kedaulatan



Kadir Dikoh
Kaheerah, Mesir

PERTUBUHAN Persidangan Islam (OIC) berharap sidang damai Palestin-Israel tajaan Amerika Syarikat di Annapolis, Washington hari ini akan menghasilkan jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan konflik berterusan di Asia Barat itu.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi OIC berkata, apa yang penting ialah kedua-dua pihak yang bertelagah perlu jujur dan saling menghormati kedaulatan masing-masing.

"Saya tidak tahu apa yang akan berlaku di Annapolis. Penyelesaian mesti dicari kerana inilah punca sebenar bermulanya masalah dunia Islam," kata Perdana Menteri pada dialog bersama pelajar Malaysia di Mesir di Pusat Persidangan Antarabangsa Kaheerah (CICC) di sini, semalam.

Terdahulu, Abdullah yang ditemani isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah yang tiba kelmari selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Uganda, merasmikan Karnival Kerjaya Asia Barat (MECC).

Barisan Menteri Luar Arab yang bersidang di sini baru-baru ini bersetuju menghadiri persidangan itu dan menjadikan usaha Washington terbabit bagi menghidupkan semula proses damai yang buntu.

Menteri terbabit sudah menghantar surat segera kepada Amerika meminta Washington memasukkan isu pencerobohan Israel di Bukit Golan sebagai antara agenda perbincangan.

Bagaimanapun, Presiden Palestin Mahmoud Abbas dilaporkan memberitahu Menteri Arab yang rundingan sudah gagal berhubung dokumen bersama Israel-Palestin menjelang mesyuarat di Amerika itu, manakala Perdana Menteri Israel, Ehud Olmert pula memberi amaran kegagalan rundingan hari ini boleh membawa kesan buruk.

Abdullah berkata, kedua-dua Palestin dan Israel perlu menghormati kedaulatan masing-masing dan hubungan mereka hendaklah menjurus



PERTEMUAN BERSAMA: Abdullah mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, di Kampala, semalam sebelum berlepas ke Kaheerah, Mesir untuk lawatan dua hari.

kepada keselamatan, keamanan serta menghentikan perbalahan.

Katanya, masalah dalaman di Palestin lebih rumit selepas pergerakan Hamas memenangi pilihan raya sebelum ini, yang tidak diterima Amerika Syarikat dan negara sekutunya.

"Saya menulis surat kepada pemimpin Hamas di Damsyik untuk meminta mereka supaya dapat bekerjasama (dengan pemimpin Fatah) bagi mencari jalan penyelesaian agar kerajaan yang ditubuhkan mewakili

penduduk Palestin," katanya.

Bagaimanapun, katanya, proses ke arah damai terganggu lagi apabila Hamas menawan Gaza. Mahmoud yang mewujudkan kerajaan berasingan di Tebing Barat dilaporkan berkata pemimpin Hamas menggunakan kekerasan bagi menawan Gaza dan menyeksa penduduk Palestin.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Abdullah berkata, usaha sedang dilakukan supaya wajah OIC yang dianggotai 57 negara Islam kelihatan cenderung kepada kegiatan ekonomi, bukan politik semata-mata.

"Kita sedih apabila negara maju yang datang memberi bantuan, kerana kita (sebahagian negara OIC) miskin dan tidak mampu... nak tolong sesama sendiri pun tidak dapat. Ini yang menyedihkan.

"Oleh itu, penekanan kita ialah kepada aspek pembinaan keupayaan dan meningkatkan modal insan. Kita tidak mahu sesetengah negara OIC akan terus menerus menerima bantuan tanpa usaha untuk memajukan diri.

"Contohnya, Sudan kaya dengan

minyak, tetapi kurang membangun. Malah, Petronas yang menyertai industri minyak di negara itu turut membantu memajukan Sudan sehingga mendapat pujian pemimpinnya," katanya.

Sementara itu pada majlis dialog bersama kira-kira 3,000 pelajar Malaysia di Mesir, semalam, Abdullah ketika menjawab soalan seorang pelajar perubahan berkata, kerajaan sedia menimbang untuk menaikkan elaun sara hidup pelajar tajaan kerajaan di beberapa negara, termasuk Mesir.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dibuat bagi menampung kos sara hidup yang meningkat di sesetengah tempat.

"Kerajaan sebelum ini sudah memutuskan untuk menaikkan elaun (di negara tertentu) dan kita akan menimbang untuk pelajar di beberapa negara lain," katanya.

Terdahulu, Abdullah merasmikan Karnival Kerjaya Asia Barat (MECC) anjuran Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Kelab Umno Luar Negara di CICC.

“Saya menulis surat kepada pemimpin Hamas di Damsyik untuk meminta mereka supaya dapat bekerjasama”

Abdullah Ahmad Badawi
Pengerusi OIC